

TARIKH: 8/8/23
SURAT KHABAR: Utusan Malaysia.
MUKA SURAT: Muka Surat Depan. / Sambungan di muka 3.

SELASA 8 OGOS 2023 21 MUHARAM 1445

BIL 184 TAHUN KE-56

PP19527/09/2019 (035121)



UTUSANONLINE

WWW.UTUSAN.COM.MY

ISSN 2716-6694



RM2

Tiada negeri mampu selesai masalah air tanpa bantuan Pusat - MB Kelantan »6



PEMIKIRAN BAHARU
Utusan Malaysia

KSM D3 - 4:PRO (UKK)

Dasar Gaji Progresif bersifat sukarela, terkait produktiviti

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Dasar Gaji Progresif adalah bersifat sukarela, berteraskan insentif dan terkait dengan produktiviti. Perdana Menteri berka-

ta, model dasar itu diusulkan setelah Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) mengambil kira pandangan dan kepentingan pihak majikan dan pekerja.

Katanya, dasar itu yang merupakan pelengkap kepada Dasar Gaji Minimum akan disu-

suli dengan garis panduan gaji progresif tahunan bagi setiap sektor, pekerjaan dan peringkat.

“Sesi libat urus dan tinjauan awal telah menunjukkan sebanyak 62 peratus pekerja dan 80 peratus syarikat menyambut baik cadangan Dasar Gaji

Progresif dengan ciri-ciri yang dinyatakan dan MTEN berharap dasar ini akan menerima sambutan dan penyertaan sebanyak syarikat dan pekerja yang mungkin,” katanya dalam kenyataan selepas mempengerusikan mesyuarat MTEN di Putrajaya semalam.

Anwar berkata, langkah selanjutnya adalah sesi perbincangan dan libat urus dengan pihak berkepentingan terutamanya para pemain industri, perniagaan dan pekerja.

Bersambung di muka 3